



Kosmo
15/10/16
mls 2

Sultan Kelantan ganti Sultan Kedah, Sultan Perak Timbalan Yang di-Pertuan Agong

Sultan Muhammad Agong ke-15

KUALA LUMPUR – Sultan Kelantan, Sultan Muhammad V dipilih menjadi Yang di-Pertuan Agong ke-15 dalam Mesyuarat Majlis Raja-Raja Khas kali ke-243 di Istana Negara di sini semalam.

Menurut kenyataan Penyimpan Mohor Besar Raja-Raja, Datuk Seri Syed Danial Syed Ahmad, pelantikan itu berkuat kuasa 13 Disember ini untuk tempoh lima tahun.

Sultan Perak, Sultan Nazrin Muizzuddin Shah pula dipilih menjadi Timbalan Yang di-Pertuan Agong bagi tempoh sama.

Mesyuarat Khas Majlis Raja-Raja itu dihadiri semua raja dan dipengerusikan Raja Perlis, Tuanku Syed Sirajuddin Putra Jamalullail.

Ini kali kedua Sultan Kelantan dipilih sebagai Yang di-Pertuan Agong. Sebelum ini nenda Sultan Muhammad V, Almarhum Sultan Yahya Petra Ibn Almarhum Sultan Ibrahim dipilih sebagai Yang di-Pertuan Agong keenam



TUANKU ABDUL HALIM MU'ADZAM SHAH



SULTAN MUHAMMAD V



SULTAN NAZRIN

dimasyhurkan sebagai Sultan Kelantan ke-29 pada 13 September 2010.

Sementara itu, Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak menyembah ucapan tahniah kepada Sultan Muhammad V dan Sultan Nazrin.

"Kedua-dua pemilihan ini selaras dengan sistem Raja Berperlembagaan dan Demokrasi Berparlimen yang diamalkan negara ini.

"Proses yang berlangsung



INFO

Sultan Muhammad V dan Sultan Nazrin

Sultan Muhammad V

- Diputerakan pada 6 Oktober 1969 di Kota Bharu, Kelantan
- Pendidikan awal di Sekolah Sultan Ismail I di Kota Bharu
- Melanjutkan pelajaran ke Sekolah Antarabangsa Alice Smith, Kuala Lumpur
- Baginda kemudian ke Oakham School Rutland, England sehingga 1989
- Melanjutkan pengajian dalam Kajian Diplomatik di St. Cross College dan Pusat Pengajian Islam Oxford, United Kingdom sehingga 1991
- Dilantik sebagai Canselor Universiti Malaysia Kelantan (UMK) pada 19 September 2011
- Hobi membaca buku dan meminati sukan lasak seperti ekspedisi kenderaan pacuan empat roda, kejohanan kuda lasak dan menembak
- Mempunyai tiga adinda iaitu Tengku Mahkota Kelantan, Tengku Dr. Muhammad Faiz Petra, 42; Tengku Muhammad Fakhry Petra, 38; dan Tengku Amalin A'ishah Putri, 32

bermula dari 21 September 1975 hingga kemangkatan baginda pada 29 Mac 1979.

Sultan Muhammad V yang kini merupakan Timbalan Yang di-Pertuan Agong, menggantikan Tuanku Abdul Halim Mu'adzam Shah yang akan tamat tempoh pemerintahan sebagai Yang di-Pertuan Agong ke-14 pada 12 Disember ini.

Merupakan putera sulung Sultan Ismail Petra dan Tengku Anis Tengku Abdul Hamid, Tengku Muhammad Faris Petra, 47, menggunakan gelaran Sultan Muhammad V setelah

itu membuktikan keutuhan sistem pemerintahan negara yang dibina hasil semangat musyawarah serta kebijakan bapa-bapa pengasas negara diterajui Allahyarham Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj," kata beliau dalam laman web *najibrazak.com* semalam.

Perdana Menteri berkata, beliau dan rakan-rakan dalam Jemaah Menteri serta anggota pentadbiran kerajaan percaya negara akan terus bertambah makmur dan maju di bawah pemerintahan Sultan Muhammad V. - Bernama



TUANKU ABDUL HALIM (tiga dari kiri) berkenan berbual dengan Sultan Sultan Muhammad V (kanan) selepas Mesyuarat Majlis Raja-Raja Khas ke-243 di Istana Negara, Kuala Lumpur semalam. Turut kelihatan Sultan Nazrin (kiri), Tuanku Syed Sirajuddin (dua dari kiri), Sultan Selangor, Sultan Sharafuddin Idris Shah (tiga dari kanan) dan Yang Dipertuan Besar Negeri Sembilan, Tuanku Muhriz ibni Almarhum Tuanku Munawir (dua dari kanan).

Pemerintahan beraja di Malaysia unik

KUALA LUMPUR - Pemerintahan beraja di Malaysia adalah antara yang paling unik berbanding negara-negara lain yang mengamalkan sistem pemerintahan beraja.

Ini kerana di negara-negara lain, takhta raja terus kekal dikuasai pewaris raja tetapi di Malaysia, raja yang memegang jawatan sebagai ketua negara atau dikenali sebagai Yang di-Pertuan Agong bertukar setiap lima tahun mengikut sistem giliran dalam kalangan sembilan sultan atau raja yang memerintah negeri.

Sungguhpun negara ini mengamalkan sistem pemerintahan Raja Berperlembagaan dan Demokrasi Berparlimen, pemilihan Yang di-Pertuan Agong yang mula dilaksanakan ketika negara mencapai kemerdekaan pada tahun 1957 adalah cukup bermakna kerana ia melambangkan keyakinan rakyat terhadap sistem pemerintahan demokrasi.

Perlembagaan Persekutuan menyebut bahawa Yang di-Pertuan Agong, orang yang terutama di Malaysia, tidak dipilih oleh rakyat tetapi oleh sembilan Raja-Raja Melayu pada persidangan Majlis Raja-Raja

Khas, bagi memegang jawatan itu untuk tempoh lima tahun.

Apabila genap tempoh itu, Seri Paduka hendaklah turun daripada takhta dan akan digantikan oleh seorang raja lain berdasarkan sistem pemilihan yang sama. Dalam sistem penggiliran ini, takhta pemerintahan adalah kekal tetapi raja akan bersilih ganti.

Raja-Raja Melayu yang layak memilih dan menduduki takhta pemerintahan Malaysia ialah Yang Dipertuan Besar Negeri Sembilan, Sultan Selangor, Raja Perlis, Sultan Terengganu, Sultan Kedah, Sultan Kelantan, Sultan Pahang, Sultan Johor dan Sultan Perak.

Berdasarkan sistem penggiliran yang ditetapkan Majlis Raja-Raja, Sultan Kelantan, Sultan Muhammad V berada pada giliran sebagai Yang di-Pertuan Agong ke-15.

Namun begitu terdapat beberapa faktor yang akan dipertimbangkan oleh Majlis Raja-Raja menerusi undi rahsia bagi menentukan pengganti seterusnya seperti baginda yang dilantik berkenan untuk menjadi Yang di-Pertuan Agong dan tidak

mengalami kelemahan atau ketidukupayaan mental.

Selain itu, baginda yang dilantik merupakan raja yang berada pada kedudukan teratas, mendapat sokongan sekurang-kurangnya lima raja lain dan bukan raja yang telah memegang jawatan Yang di-Pertuan Agong selama dua penggal berturut-turut.

Mengikut kebiasaan, sebelum proses pemilihan berlangsung, Penyimpan Mohor Besar Raja-Raja terlebih dahulu akan menanyakan raja yang seterusnya dalam senarai giliran mengenai kesiediaan baginda untuk dipilih sebagai Yang di-Pertuan Agong.

Sembilan raja berkenaan kemudian akan membuat undi rahsia dan sekiranya raja dalam senarai itu mendapat lima undian, baginda secara rasminya dipilih sebagai Yang di-Pertuan Agong seterusnya.

Proses yang sama diulangi untuk memilih Timbalan Yang di-Pertuan Agong yang akan memangku jawatan Yang di-Pertuan Agong semasa ketiadaan Seri Paduka di dalam negara atau kerana keuzuran.

Sultan Nazrin

- Diputerakan pada 27 November 1956 di Pulau Pinang
- Memegang Ijazah Sarjana Muda (Kepujian) dalam bidang Falsafah, Politik dan Ekonomi dari Universiti Oxford, Ijazah Sarjana Pentadbiran Awam dari Universiti Harvard dan Ijazah Kedoktoran (PhD) Ekonomi Politik dan Kerajaan dari Universiti Harvard
- Memegang beberapa jawatan penting iaitu:
 - Pro-Canselor Universiti Malaya
 - Presiden Majlis Perak Tentang Islam dan Adat Melayu
 - Ahli Lembaga Pemegang Amanah Pusat Pengajian Islam Oxford, Universiti Oxford
 - Pengerusi Lembaga Pengelola Kolej Melayu Kuala Kangsar
- Berkahwin dengan Tuanku Zara Salim pada 17 Mei 2007 dan mempunyai seorang putera dan seorang puteri

INFO



Senarai Yang di-Pertuan Agong

Kosmo
15/10/16
MIS-3

1. Almarhum Tuanku Abdul Rahman Ibni Almarhum Tunku Muhammad, Negeri Sembilan (31 Ogos 1957 - 1 April 1960)



TUANKU
ABDUL
RAHMAN

2. Almarhum Sultan Hisamuddin Alam Shah Ibni Almarhum Sultan Alaidin Sulaiman Shah, Selangor (14 April 1960 - 1 September 1960)

3. Almarhum Tuanku Syed Putra Alhaj Almarhum Syed Hassan Jamalullail, Perlis (21 Sept. 1960 - 20 September 1965)

4. Almarhum Sultan Ismail Nasiruddin Shah

Ibni Almarhum Sultan Zainal Abidin, Terengganu (21 September 1965 - 20 September 1970)

5. Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah, Kedah (21 September 1970 - 20 September 1975)

6. Almarhum Sultan Yahya Petra Ibni Almarhum Sultan Ibrahim, Kelantan (21 September 1975 - 29 Mac 1979)

7. Sultan Ahmad Shah Ibni Almarhum Sultan Abu Bakar, Pahang (26 April 1979 - 25 April 1984)

8. Almarhum Sultan Iskandar



SULTAN
ISKANDAR

Ibni Almarhum Sultan Ismail, Johor (26 April 1984 - 25 April 1989)

9. Almarhum Sultan Azlan Muhibbuddin Shah Ibni Almarhum Sultan Yussuf Izzuddin Shah Ghafarullahu-lah, Perak (26 April 1989 - 25 April 1994)

10. Almarhum Tuanku Ja'afar Ibni Almarhum Tuanku Abdul Rahman, Negeri Sembilan (26 April 1994 - 25 April 1999)

11. Almarhum Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah Alhaj Ibni Almarhum Sultan Hisamuddin Alam Shah Alhaj,



SULTAN
SALAHUDDIN

Selangor (26 April 1999 - 21 November 2001)

12. Tuanku Syed Sirajuddin Ibni Al-Marhum Tuanku Syed Putra Jamalullail, Perlis (13 Disember 2001 - 12 Disember 2006)

13. Sultan Mizan Zainal Abidin Ibni Al-Marhum Sultan Mahmud Al-Muktafibilillah Shah, Terengganu (13 Disember 2006 - 12 Disember 2011)

14. Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah, Kedah (13 Disember 2011 - 12 Disember 2016)



TUANKU
SYED
SIRAJUDDIN

Sultan Muhammad V berjiwa prihatin, suka turun padang bertemu rakyat jelata

Sultan Kelantan belajar di Oxford

KOTA BHARU – Sultan Kelantan, Sultan Muhammad V yang dipilih sebagai Yang di-Pertuan Agong ke-15 dalam Mesyuarat Majlis Raja-Raja Khas semalam bagi menggantikan Tuanku Abdul Halim Mu'adzam Shah merupakan seorang raja yang berjiwa rakyat.

Sultan Muhammad V, 47, merupakan putera sulung Sultan Ismail Petra dan Tengku Anis Tengku Abdul Hamid yang dimasyhurkan sebagai Sultan Kelantan ke-29 pada 13 September 2010.

Baginda begitu dekat di hati rakyat sehingga sering membahaskan diri baginda sebagai 'kita' ketika bertemu dengan rakyat negeri ini.

Sultan Muhammad V juga sering dilihat turun padang bertemu masyarakat termasuk penduduk kawasan pedalaman serta perkampungan Orang Asli di Gua Musang dan Jeli.

Baginda yang ditabalkan sebagai Tengku Mahkota Kelantan pada 6 Oktober 1985 dilihat lebih gemar mengenakan jubah atau berbaju Melayu atau lebih dikenali di negeri ini sebagai baju gumbang, serta berkain pelikat dan berkopiah putih ketika melawat rakyat baginda.

Sultan Muhammad V sebelum ini merupakan Timbalan Yang di-Pertuan Agong sejak 12 Disember 2011, turut mencetuskan idea Program



SULTAN MUHAMMAD V (belakang kanan) bergambar bersama Sultan Ismail dan Tengku Anis serta adindanya, Tengku Muhammad Faiz (depan kiri) dan Tengku Muhammad Fakry dan Tengku Amalin A'ishah Putri.

Walkathon D'Raja Kelantan sejak 2011 bagi mengeratkan lagi hubungan raja dengan rakyat.

Pada 2011, program itu diiktiraf oleh *Malaysia Book of Records* sebagai penyertaan terbesar Walkathon Diraja Malaysia sejauh 10 kilometer dan berjaya mengumpulkan sebanyak 21,111 peserta.

Baginda turut tidak ketinggalan menyemai spiritual masyarakat Islam di negeri ini menerusi program Qiam With Me yang diadakan pada setiap Ramadan sejak 2011.

Program tersebut yang diadakan pada pukul 10 malam selepas solat Isyakh dan Tarawih, diikuti kuliah agama oleh penceramah jemputan, disusuli Qiamullail sehingga sahur dan solat Subuh berjemaah bersama baginda.

Sultan Muhammad V yang diputera-



SULTAN MUHAMMAD V merupakan seorang raja yang dekat di hati rakyat dan sering berkenan turun padang menyertai pelbagai aktiviti bersama orang ramai.

kan pada 6 Oktober 1969, mendapat pendidikan awal di Sekolah Sultan Ismail I di sini, sebelum melanjutkan pelajaran ke Sekolah Antarabangsa Alice Smith di Kuala Lumpur.

Baginda kemudian ke Oakham School Rutland, England sehingga 1989 sebelum melanjutkan pengajian dalam bidang kajian diplomatik di St. Cross College, Oxford serta di Oxford Centre for Islamic Studies sehingga 1991.

Sultan Muhammad V, yang merupakan Canselor Universiti Malaysia Kelantan (UMK), pada masa lapang gemar membaca buku, serta meminati sukan lasak seperti ekspedisi kenderaan pacuan empat roda, kejohanan kuda lasak dan menembak.

- Bernama

Sultan Perak lulus Harvard

KUALA LUMPUR – Sultan Perak, Sultan Nazrin Muizzuddin Shah Sultan Azlan yang dipilih sebagai Timbalan Yang di-Pertuan Agong ke-15 dalam Mesyuarat Majlis Raja-Raja Khas semalam memiliki latar belakang yang menakjubkan dalam bidang pendidikan.

Memulakan alam persekolahan di Sekolah Jalan Kuantan, Kuala Lumpur sehingga darjah lima, baginda kemudian menyambung pendidikan sekolah rendah dan menengah di Sekolah St. John, Kuala Lumpur.

Baginda berangkat ke United Kingdom pada usia 13 tahun untuk melanjutkan pengajian di The Leys School, Cambridge.

Selepas itu, baginda meneruskan pengajian di Universiti Oxford dan memperoleh Ijazah Sarjana Muda Sastera dalam bidang Falsafah, Politik dan Ekonomi dari Universiti Oxford, England pada 1979.

Pada 1984, baginda kemudian melanjutkan pengajian di Universiti Harvard, Amerika Syarikat dan menamatkannya dengan kelulusan Ijazah Doktor Falasafah dalam bidang Politik Ekonomi dan Kerajaan.



SULTAN NAZRIN